

Sinovac terbukti selamat

MINGGUAN MALAYSIA (28/02/2020)
MIS 06

Oleh AMREE AHMAD

utusannews@mediamulia.com.my

SEPAHANG: Vaksin keluaran syarikat dari China, Sinovac Life Sciences Co. Ltd. (Sinovac) yang kini sudah mencapai kadar edaran lebih 36 juta dos di seluruh dunia adalah bukti ia selamat digunakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, walaupun kajian klinikal di Brazil bulan lalu menunjukkan kadar efektifnya sebanyak 50.4 peratus bagi jangkitan bergejala, namun angka itu melepasi piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Katanya, beliau sedar ramai yang mempersoalkan keberkesanan vaksin dari China itu tetapi mereka sebenarnya tidak merujuk fakta lengkap kajian berkenaan.

“Data di Brazil juga menunjukkan vaksin ini berkesan 78 peratus untuk kes sederhana dan 100 peratus bagi kes teruk,” katanya selepas menyambut ketibaan kumpulan pertama vaksin Sinovac di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini semalam.

Pesawat MH319 yang membawa bekalan pertama vaksin Covid-19 keluaran China itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tepat pukul 8.50 pagi dalam bentuk cecair berjumlah 200 liter yang boleh diproses untuk menjadi lebih 300,000 dos.

Turut hadir Duta China ke Malaysia, Ouyang Yujing dan



KONVOI yang membawa bekalan vaksin Sinovac bergerak keluar dari Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas tiba dari Beijing, China semalam. Vaksin tersebut akan diproses oleh Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. sebelum diedarkan. - MINGGUAN/AMIR KHALID

penerimaan vaksin itu antara sebahagian Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dilancarkan pada Rabu lalu.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, ujian di Turki menunjukkan kadar efektif vaksin itu melebihi 91 peratus dan Indonesia pula 65 peratus.

Justeru, kata beliau, rakyat

tidak perlu bimbang kerana semua vaksin dari luar negara perlu dipasarkan di Malaysia perlu melalui proses tapisan amat ketat sebelum diluluskan.

Akhir bulan lalu, Sinovac memeterai perjanjian penghantaran 14 juta dos vaksin itu untuk dibotolkan semula oleh Pharmaniaga Lifescience Sdn.

Bhd. di kilangnya di Puchong, Selangor.

PICK turut menyediakan secara berperingkat vaksin Sputnik V keluaran firma Gamaleya di Rusia, AstraZeneca dihasilkan Oxford dari Britain, Pfizer-BioNtech dari Amerika Syarikat dan vaksin keluaran CanSino Biologics dari China.